

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1992/93

Oktober/November 1992

RPK 531 - Teori & Falsafah Perancangan

Masa : (3 Jam)

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan sahaja.

Soalan No. 1 adalah wajib

1. Falsafah dan teori perancangan bandar berdasarkan kepada tamadun dan corak pembangunan Dunia Barat.
 - (a) Nilaikan kesesuaian pendekatan tersebut kepada situasi di Malaysia.
(20 markah)
 - (b) Bagaimanakah program seperti "Wawasan 2020" boleh mempengaruhi sistem pemikiran dan amalan seperti di atas?
(20 markah)
(40 markah)
2. Penilaian Kesan Alam Sekitar (E.I.A. - Environmental Impact Assessment) merupakan satu alat yang digunakan oleh pihak berkuasa untuk menekankan dasar alam sekitar di negara ini. Keberkesanan alat penilaian ataupun dasar tersebut bergantung kepada tekad politik atau "political will" yang mengelilingi isu alam sekitar dan pembangunan. Sila bincangkan.
(20 markah)

...2/-

3. 'Warisan' kini telah menjadi satu isu yang mempunyai unsur-unsur positif dalam pembangunan semasa. Nilaikan peranan serta potensi komponen 'warisan' ini dalam pembangunan bandar seperti - pembangunan pelancongan, pembangunan riadah, pembangunan pemeliharaan dan sebagainya.

(20 markah)

4. Perancangan telah dikatakan satu cara di dalam membuat keputusan. Komen dan rujuk kepada beberapa contoh tempatan.

(20 markah)

5. Satu perdebatan utama dalam teori dan falsafah perancangan bandar adalah tertumpu kepada tipologi baru teori-teori perancangan bandar. Dalam kes ini, bagaimakah tiga (3) debat (urban form, procedural & analytical) boleh menolong merapatkan jurang dalam konflik pemikiran falsafah perancangan kini?

(20 markah)

6. Partisipasi rakyat tidak semestinya bermakna peralihan kuasa daripada pegangan pemilik-pemilik kuasa tradisional ataupun moden. Malah konsep ini hanya memperkuatkan lagi rayuan-rayuan untuk desentralisasi yang efektif dalam jentera pentadbiran dan kerajaan yang telahpun menjadi terlalu sesak dan kompleks.

Apakah yang dimaksudkan dengan 'partisipasi rakyat'? Nyatakan cara ataupun kaedah yang boleh digunakan untuk menggalakkan partisipasi rakyat dalam konteks negara ini.

(20 markah)

7. Perancangan bandar telah mula diperkenalkan di Malaysia semasa zaman penjajahan sebagai satu alat saintifik dan rasional untuk mempertingkatkan mutu kehidupan di bandar. Walau bagaimanapun, selain daripada menggunakan alat sedemikian, jelas bahawa untuk masa depan perancangan bandar perlu dilengkapi dengan alat yang mengambil kira unsur-unsur kebudayaan serta nilai-nilai tempatan. Sila beri pandangan anda.

(20 markah)

-ooo00ooo-